



APRESIASI TARI

TUGASAN





PENGHAYATAN TARIAN

(CERACAP INAI, TERINAI
DAN LIMBAI BAJAU SAMAH)



Objektif Pembelajaran

- 🌿 Membuat kajian tentang Tarian Ceracap Inai, Tarian Terinai dan Tarian Limbai dari aspek asal-usul, sejarah perkembangan dan fungsi tarian.
- 🌿 Menilai, mengulas dan mengkritik persembahan Tarian Ceracap Inai, Tarian Terinai dan Tarian Limbai yang ditonton dari aspek unsur tari.
- 🌿 Menilai, mengulas dan mengkritik persembahan Tarian Ceracap Inai, Tarian Terinai dan Tarian Limbai yang ditonton dari aspek koreografi.




“KOSA KATA”

- Diaspora
- Etika
- Kronologi
- Sejarah Perkembangan

- 🌿 Menilai, mengulas dan mengkritik persembahan Tarian Ceracap Inai, Tarian Terinai dan Tarian Limbai yang ditonton dari aspek sinografi.
- 🌿 Menilai, mengulas dan mengkritik persembahan Tarian Ceracap Inai, Tarian Terinai dan Tarian Limbai yang ditonton dari aspek etika persembahan dan nilai.
- 🌿 Membentangkan hasil penilaian, ulasan dan kritikan persembahan.

1.1 → ULASAN DAN KRITIKAN TARIAN CERACAP INAI

Pembelajaran tentang penghayatan sesuatu tarian berkembang lagi dengan proses mengetahui, menonton, mendekati, memahami, mengkaji, menganalisis, mengulas, menilai dan mengkritik dengan penuh bertanggungjawab dan beretika. Proses penghayatan tarian ini membantu kita membuat apresiasi tarian dengan sistematik dan teratur. Melalui proses penghayatan ini sebagai panduan untuk menulis apresiasi, kita pasti tidak tertinggal fakta yang penting dalam penulisan kita.



Rajah 1.1 Proses menghayati pembelajaran tarian.

MENGETAHUI

Pengetahuan berkenaan tarian yang ingin dinilai, diulas dan dikritik adalah sangat penting. Jika kita tidak mengetahui tentang tarian tersebut, kita tidak akan dapat menulis mengenai tarian berkenaan.

MENONTON

Kita perlu melihat atau menonton tarian tersebut. Tontonan sesuatu tarian boleh dilakukan secara langsung atau rakaman.

MENDEKATI

Kita perlu mendekati tarian tersebut untuk mendalami proses penghayatan. Kita boleh mendekati tarian melalui beberapa cara seperti mempelajari dan mempersembahkan tarian tersebut serta menemu bual masyarakat yang mempraktikkannya.

MEMAHAMI

Kita wajar memahami dengan mendalam tentang tarian agar penulisan kita sah dan tepat.

MENGAJI

Kajian perlu dibuat terlebih dahulu terhadap tarian yang hendak ditulis agar kita dapat lebih banyak maklumat penting mengenai tarian tersebut. Kajian, data atau maklumat boleh diperoleh melalui beberapa cara seperti menemu bual penari, membuat pencarian melalui media massa, pembacaan artikel mengenai tarian dan mengikuti bengkel tarian.

MENGANALISIS

Jika kita menganalisis maklumat yang diperoleh daripada kajian, kita akan dapat melihat fakta dengan lebih teliti. Analisis membantu kita menulis terminologi, ragam dan gerak tari yang betul dan tepat.

MENGULAS

Pengulasan tarian hendaklah mengambil kira latar belakang tarian (L), unsur tari (U), koreografi (K), adab dalam persembahan (A) dan sinografi (S). Teknik LUKAS telah pun dihuraikan sebelum ini.

MENILAI

Penilaian terhadap sesuatu tarian perlu dibuat berdasarkan fakta, fungsi tarian terhadap masyarakat dan signifikansi tarian tersebut terhadap masyarakat, budaya dan negara.

MENKRITIK


Kritikan tarian mesti merangkumi semua aspek tarian, iaitu asal-usul tarian, sejarah perkembangan tarian, unsur tarian, koreografi, adab dan nilai moral tarian terhadap masyarakat. Kritikan mestilah berbentuk rasional, mempunyai justifikasi dan tidak mengikut emosi penulis dan pengkritik.

Tan *Aktiviti*

Lakukan aktiviti secara individu. Kumpulkan maklumat tentang proses penulisan apresiasi tarian berdasarkan pengetahuan dan pengalaman anda daripada tingkatan 1 dan tulis maklumat penting tentang proses tersebut.

Setelah memahami proses penghayatan tarian, kita hendaklah mengetahui bahawa terdapat empat perkara penting yang perlu dihalusi dan amat berkaitan dengan penulisan apresiasi.

SILAIMBAS



Rajah 1.2 Perkara penting dalam penulisan apresiasi yang baik.

Pernahkah anda terfikir:

kepentingan asal-usul tarian?

pengaruh asal-usul tarian terhadap penulisan apresiasi kita?

Asal-usul atau sejarah perkembangan sesuatu tarian sebenarnya memberitahu kita beberapa perkara penting tentang kewujudan tarian tersebut. Berdasarkan kajian tersebut, kita dapat mengetahui:

- a) pengasas tarian tersebut
- b) tahun atau abad tarian ini muncul
- c) tempat wujudnya tarian tersebut
- d) faktor yang menyumbang kewujudan tarian dan yang mempengaruhi tarian.
- e) kronologi perkembangan tarian tersebut

Pengetahuan tentang asal-usul sesuatu tarian banyak memberitahu kita mengenai kepercayaan dan tradisi sesuatu masyarakat. Tarian mengambil inspirasi daripada amalan sosiobudaya dan cara hidup masyarakat. Yang berikut ialah panduan asas kepada penulis dan pengkritik dalam mengkritik tarian:

LANGKAH 1

Anda hendaklah menonton persembahan dengan fikiran yang terbuka. Anda tidak seharusnya menonton persembahan seperti menonton filem yang menjadikan anda pasif. Anda perlu menonton persembahan tersebut dengan aktif sebagai seorang penari yang turut terlibat dalam tarian.

LANGKAH 2

Anda perlu membuat kajian mengenai tarian tersebut. Pengetahuan terhadap tarian boleh membantu kita menulis atau mengkritik dalam konteks yang betul. Anda perlu mengkaji mengenai koreografer, penari dan pemuzik.

LANGKAH 3

Pastikan anda bersedia untuk membuat kritikan melalui aspek berikut:

Pergerakan Tarian

- Apakah gerak tari yang anda lihat?
- Adakah penari melakukan lompatan, berpusing atau berlari-lari anak?
- Adakah tarian itu kemas dan menepati masa serta bertenaga?

Koreografi

- Apakah bahagian tubuh badan yang dititikberatkan?
- Bagaimanakah penari berhubung dengan yang lain?
- Adakah pergerakan diulang?
- Adakah tarian tersebut mempunyai naratif atau abstrak?
- Adakah tarian tersebut mempunyai permulaan, pertengahan dan pengakhiran?

Ruang

- Bagaimanakah penari menggunakan ruang?
- Bagaimanakah deskripsi pola lantai dilakukan?
- Adakah penari membuat persembahan tarian pada aras rendah atau aras tinggi?

Persembahan

- Apakah kemampuan teknikal dan ekspresif penari?
- Apakah yang membuatkan persembahan tersebut sangat menarik?
- Apakah daya tarikan persembahan berkenaan?

Muzik

- Adakah muzik tersebut mempunyai tempo laju atau perlahan?
- Adakah muzik tersebut membangkitkan emosi?

Sinografi

- Adakah busana yang dipakai sesuai?
- Adakah penataan cahaya sesuai dengan persembahan?
- Adakah latar hias membantu persembahan?

Pengalaman Peribadi

- Adakah tarian tersebut mengingatkan anda tentang sesuatu?
- Adakah tarian tersebut membuatkan anda gembira?
- Apakah tarian tersebut berkomunikasi dengan anda?

Reaksi Keseluruhan

- Apakah hubungan antara persembahan dengan pengalaman anda sebagai seorang penari?
- Apakah impresi anda terhadap tarian itu?
- Apakah yang anda pelajari daripada persembahan ini?

LANGKAH 4

Apabila anda memulakan penulisan kritikan, pendapat anda perlu mempunyai justifikasi serta berdasarkan tontonan dan pengalaman anda. Pendapat orang lain tidak digalakkan untuk disertakan kecuali mempunyai justifikasi kukuh. Contohnya, penari mampu menunjukkan ekspresi kegembiraan pada bahagian pengakhiran atau penari menunjukkan kesedihan melalui ekspresi wajah dan lenggok gerak badan. Pastikan kritikan anda mempunyai cadangan dan berunsur positif dan bukan sebaliknya. Hal ini adalah penting supaya koreografer dapat membuat penambahbaikan jika perlu.

LANGKAH 5

Setelah selesai, baca semula, sunting penulisan anda dan benarkan rakan lain membaca kritikan anda.

Kajian Asal-usul, Sejarah Perkembangan dan Fungsi Tarian Ceracap Inai

Asal-usul Tarian Ceracap Inai terdapat dalam sejarah Kesultanan Melayu Melaka pada tahun 1488. Sultan Mahmud Shah yang mewarisi takhta kerajaan Melaka tidak membenarkan Portugis membina markas di Melaka. Akibatnya, Portugis menyerang Melaka. Sultan Melaka bersama-sama dengan rakyat terpaksa melarikan diri ke Muar. Ketika kapal Sultan sedang mudik ke Sungai Muar, Tarian Ceracap Inai ditarikan, mungkin juga sebagai tanda memasuki tempat baharu yang dipercayai boleh memberikan perlindungan dan kemewahan. Tarian Ceracap Inai ini dikatakan berasal daripada permainan rakyat dan turut ditarikan di hadapan sultan dan pembesar negeri dalam majlis keramaian. Jika diperhatikan, Tarian Ceracap Inai mempunyai unsur berikut:

Penghormatan

- Gerak Sembah


Merendahkan diri

- Gerak Duduk Bertimpuh

Pergerakan menyembah melambangkan adat dan budaya masyarakat Melayu yang menghormati sultan dan pemerintah. Pergerakan tersebut menunjukkan perlambangan masyarakat Melayu yang meletakkan sultan pada aras yang tinggi sebagai pelindung mereka. Terdapat cerita lain yang mengatakan Tarian Ceracap Inai telah diasaskan oleh seorang pengukir yang menggabungkan pelbagai elemen daripada alam dan memberikan tafsiran sendiri. Tarian ini ditarikan dengan menggunakan bunga emas yang diiringi dengan lilin yang dinyalakan pada empat penjuru. Bunga emas melambangkan kemewahan, api pula simbolik kepada kecerahan dan kejelasan sementara dedaun pula simbol kehidupan. Kesemua perlambangan dan simbol ini sekali lagi menguatkan hipotesis bahawa kehidupan masyarakat Melayu sememangnya terikat dan mempunyai hubungan yang kuat dengan alam. Sehingga kini, Tarian Ceracap Inai masih aktif dipersembahkan di Kampung Lenga daerah Muar, Kundang Ulu dan Bukit Kepong, Johor.

Fungsi Tarian Ceracap Inai

Fungsi sesuatu tarian dapat dilihat melalui dua cara seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.3.



Rajah 1.3 Fungsi Tarian Ceracap Inai.


Tarian Ceracap Inai mempunyai hubungan yang rapat dengan budaya dan gaya hidup masyarakat setempat, terutamanya dalam seni pertahanan diri seperti silat. Kebanyakan ragam dan gerak dalam Tarian Ceracap Inai diolah dan diambil daripada seni silat, terutamanya silat Gayung. Masyarakat Johor terutamanya di Muar sememangnya terkenal dengan pengamalan seni pertahanan diri dan seni tari. Kedua-dua seni ini sememangnya telah sebatih dengan budaya hidup mereka.



Tarian Ceracap Inai kini ditarikan untuk majlis perkahwinan. Bincangkan proses peralihan tarian ini daripada masyarakat ke istana dan kembali semula kepada masyarakat.

Cara menilai, Mengulas dan Mengkritik Persembahan Tarian Ceracap Inai

Sebelum ini, anda telah pun diperkenalkan dengan cara membuat ulasan tarian mengikut formula LUKAS. Pada kali ini, anda haruslah berfikir dengan lebih matang semasa membuat ulasan tarian. Sebelum membuat ulasan, anda perlu menyiapkan diri dengan pelbagai persoalan yang boleh membuatkan anda meneliti sesuatu tarian, fakta dan berfikir dengan lebih rasional. Anda perlu memastikan bahawa kumpulan tarian atau penari yang hendak diulas perlu:

- 
- ✓ mempunyai kepakaran dalam bidang tarian
 - ✓ mahir dalam tarian tersebut
 - ✓ memahami ragam dan melakukan gerak tari yang betul
 - ✓ memakai busana yang betul


TAHUKAH ANDA

Tarian Ceracap Inai telah disusun dan dipopularkan semula oleh Allahyarham Tuan Haji Salleh sekitar tahun 1940-an di Kampung Lenga dan kemudiannya diteruskan oleh anak beliau, Pak Rabu dan cucunya Rashidah Rabu. Tarian Ceracap Inai telah menyebabkan kawasan Kampung Lenga, Muar, Johor menjadi simbol dan identiti yang kukuh sebagai tempat kelangsungan tradisi tarian ini.

Dipetik dan diubahsuai daripada buku *Tarian Ceracap Inai*, terbitan Istana Budaya (2003) tulisan Khalid Mohamad Nor.


Tan Aktiwiti

Lakukan aktiviti ini dalam kumpulan. Lukiskan peta Semenanjung Malaysia dan namakan semua negeri. Kemudian, lukiskan aliran kedatangan Tarian Ceracap Inai dari negeri Melaka ke negeri Johor terutamanya daerah Muar melalui Sungai Muar.



Rajah 1.4 Perkara penting sebelum menulis apresiasi.

Fakta yang penting apabila anda menulis tentang latar belakang kumpulan atau penari ditunjukkan dalam Rajah 1.5:



Rajah 1.5 Fakta penting apabila menulis latar belakang kumpulan atau penari.

Asal-usul sesuatu tarian boleh ditulis dengan berpandukan Rajah 1.6.



Cari maklumat lanjut tentang Tarian Ceracap Inai. Kongsikan hasil carian anda dengan rakan-rakan.

Rajah 1.6 Maklumat untuk menulis asal-usul tarian.

A. UNSUR TARI

Penulisan tentang unsur tari dalam Tarian Ceracap Inai boleh dilakukan dengan berpandukan Rajah 1.7.



Rajah 1.7 Maklumat untuk menulis unsur tari.

B. KOREOGRAFI


Koreografi merangkumi komposisi keseluruhan tarian. Penulisan tentang koreografi tarian seringkali berkait rapat dengan unsur tari dan sememangnya tidak dapat dielakkan kerana komposisi tarian juga terdiri daripada unsur tari. Selain unsur tari, perkara penting yang perlu diberikan perhatian ditunjukkan dalam Rajah 1.8.



Rajah 1.8 Perkara penting dalam penulisan koreografi.

C. SINOGRAFI

Penulisan berkenaan aspek sinografi melibatkan perkara seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.9.



Rajah 1.9 Maklumat untuk menulis perihal sinografi.

D. ETIKA PERSEMBAHAN DAN NILAI

Penulisan mengenai adab dan nilai dalam tarian berkait rapat dengan sosiobudaya, moral dan pegangan falsafah di sebalik tarian tersebut. Tarian Ceracap Inai berpegang pada adat budaya orang Melayu, iaitu menghormati sultan dan pemerintah. Oleh itu, tarian tersebut mempunyai unsur sembah pada ragam dan gerak tari. Penulis juga perlu menekankan nilai moral yang terdapat dalam Tarian Ceracap Inai yang mencerminkan budaya hidup masyarakat Melayu. Etika penari dan koreografer juga amat penting dalam penulisan mengenai adab dan nilai tarian. Etika koreografer berkait rapat dengan usaha koreografer untuk terus melestarikan tradisi sesuatu tarian tanpa melakukan perubahan yang terlalu besar sehingga menyebabkan keistimewaan dan keunikan tarian tersebut hilang. Tanggungjawab koreografer dalam proses memulihara tarian adalah sangat berat dan penting. Begitu juga dengan penari, tanggungjawab mereka dalam mempersembahkan tarian seperti yang telah direka cipta oleh koreografer adalah penting. Penari harus meletakkan diri sebagai pewaris tarian tersebut dan menarikannya dengan betul, penuh bertanggungjawab, berkeyakinan, mengikut alunan muzik dan menari dengan memiliki wirasa, wiraga dan wirama. Etika penari juga berkait rapat dengan masa, iaitu sebelum, semasa dan selepas mempersembahkan tarian tersebut.

Tan Aktiviti

Lakukan aktiviti secara bersendirian atau bersama-sama dengan rakan. Fikirkan dan catatkan kesemua tanggungjawab koreografer dan penari dalam memelihara adab dan nilai Tarian Ceracap Inai. Kemudian, bentangkannya kepada guru dan rakan-rakan.

APRESIASI

Setelah membuat pengulasan mengenai Tarian Ceracap Inai, penulis harus membuat kritikan mengenai keseluruhan pementasan tarian. Kita dapat melihat kematangan pemikiran penulis berdasarkan pendapatnya yang berlandaskan fakta, justifikasi, pemahaman nilai estetika yang terdapat pada seni tari dan sikap empati terhadap sesuatu tarian.

E. PENULISAN SECARA BERHEMAH DAN BERETIKA

Penulisan berbentuk rasional terhadap sesuatu karya yang mempunyai nilai estetika sememangnya agak sukar kerana penulis agak mudah dipengaruhi oleh aspek estetika dan emosi. Kritikan merupakan penulisan yang melibatkan penilaian dalam erti kata lain ialah “diadili”. Bagi mengelakkan terpengaruh dengan emosi semasa membuat kritikan, penulis perlulah mengikut panduan penulisan yang diberikan dalam unit ini.

PENULISAN KRITIKAN TARI

F. PEMBENTANGAN HASIL PENILAIAN, ULASAN DAN KRITIKAN TARIAN CERACAP INAI

Tarian Ceracap Inai tidak asing lagi di persada seni tari di Malaysia. Tarian yang asalnya ditarikan di istana untuk golongan diraja ini telah dibawa keluar dan ditarikan untuk rakyat umum terutamanya pada majlis perkahwinan dan upacara kesenian atau keraian lain. Kita kini berpeluang menyaksikan Tarian Ceracap Inai yang terkenal dengan pergerakan sembah serta bunga emas yang diiringi dengan lilin yang dinyalakan.

Pada bulan April 2019, Institut Perguruan Kampus Temenggong Ibrahim di Johor telah menganjurkan program KAGUM, iaitu Karnival Gerak Kerja Kokurikulum (Kebudayaan dan Persatuan). Pertandingan separuh akhir kategori tarian etnik atau tarian rakyat telah diadakan. Pelajar Kampus Temenggong Ibrahim telah menarikan Tarian Ceracap Inai dan telah dimuat naik dalam media sosial.

Pada permulaan acara, tirai pentas dibuka dengan pemandangan yang sungguh indah, iaitu latar hias yang memaparkan catan sebuah taman lengkap dengan pohon kehijauan, bunga-bunga berwarna-warni dan sebuah tasik hijau. Pemandangan sinografi ini secara tidak langsung telah menyediakan penonton melalui deria penglihatan untuk menghayati tarian yang bakal dipersembahkan. Persembahan Tarian Ceracap Inai ini telah ditarikan oleh 10 orang penari, iaitu lima orang wanita dan lima orang lelaki. Tarian dimulakan dengan penari wanita memasuki pentas dari kiri ke kanan dan penari lelaki pula sebaliknya, iaitu dari kanan ke kiri. Kesemua penari wanita dan lelaki membawa prop Ceracap Inai, iaitu bunga-bunga emas dengan api lilin yang dinyalakan pada empat penjuru. Penari wanita dan lelaki masuk ke pentas dari arah masing-masing dan mengambil tempat di pentas. Penari wanita berdiri di hadapan penari lelaki. Mereka berjalan bersama-sama ke hadapan dan Duduk Berlutut Tunggal sambil membuat Gerak Sembah sebanyak tiga kali. Kemudian, dengan penuh bergaya mereka melakukan gerak Sembah Silang dan terus mengangkat bekas Ceracap Inai. Mereka menggerakkan bekas Ceracap Inai dengan membentuk bulatan kecil di hadapan tubuh badan dengan tangan kanan manakala jari pada tangan kiri menyentuh pelipat tangan kanan. Pergerakan unik yang tidak pernah dilihat pada tarian etnik lain ini menandakan tanda hormat kepada penonton.

Tanpa disedari penonton, penari wanita telah mengubah posisi Duduk Atas Dua Tumpukan manakala penari lelaki pula telah berdiri dan memulakan gerak Sampan Berkolek ke kanan dan ke kiri. Pergerakan ini dilakukan secara statik beberapa kali sebelum menukarkan corak pergerakan, iaitu penari lelaki melakukan pusingan mengelilingi penari wanita manakala penari wanita pula melakukan Pusingan Setempat, masih lagi dalam keadaan Duduk Atas Dua Tumpukan. Sambil melakukan ragam Gerak Ketam ke kanan dan ke kiri, penari lelaki bergerak membentuk pola lantai Potong Wajik. Kemudian, pergerakan diakhiri dengan Pusingan Setempat. Penari wanita pula mengekalkan pola bentuk yang sama dengan menggunakan ragam Kisot ke kanan dan ke kiri serta ragam Kisot ke kiri dan ke kanan. Pergerakan ini dilakukan sebelum transisi daripada keadaan duduk ke berdiri. Kedua-dua penari melakukan ragam Buka Langkah sebelum melakukan ragam dan pola lantai baharu. Pergerakan tersebut diselang-seli pula dengan penari wanita berdiri dan penari lelaki duduk dan mengulangi pergerakan Sampan Berkolek. Pergerakan mereka kelihatan sungguh tertib dan kemas sehinggakan perubahan pergerakan mereka tidak langsung mengganggu konsentrasi penonton.

Gerak atau ragam yang dominan dalam tarian ini diulangi dengan pelbagai variasi pola lantai dan posisi penari wanita dan lelaki, iaitu gerak Sampan Berkolek kanan dan kiri. Pergerakan ini divariasikan dengan pola lantai yang berbeza seperti Kayu Manis Serong dan Kayu Manis Panjang berhadapan. Sambil melakukan Gerak Ketam kanan dan kiri, kedua-dua penari adakalanya menghadap satu sama lain dan ada juga masa penari lelaki menari di belakang penari wanita. Daripada pergerakan ini, mereka membuka langkah serta melakukan gerak Serang Balas beberapa kali sebelum kembali ke ragam Sampan Berkolek Tinggi kanan dan kiri.

Pada penghujung tarian, penari lelaki dan wanita meletakkan bekas Ceracap Inai di atas lantai dalam posisi duduk dan melakukan Gerak Sembah sebanyak tiga kali, diikuti Sembah Silang dan gerak Sisip sebagai tanda memberikan penghormatan kepada bekas Ceracap Inai. Tarian diakhiri dengan kesemua penari mengangkat semula bekas Ceracap Inai, menunduk kepada penonton dan berjalan keluar pentas dengan penuh tertib dan kemas.

Keseluruhan tarian ditarikan dengan pergerakan yang kemas, tersusun, mudah diikuti dan amat menyenangkan mata yang memandangi, telinga yang mendengar paluan muzik, gerak hati yang dilayani positif dan fikiran yang tidak kompleks atau mengelirukan. Koreografi tarian ini cukup kemas dan mudah dihayati. Busana yang dikenakan penari juga sesuai dan warnanya menarik, iaitu baju Melayu berwarna hijau muda lengkap dengan songkok untuk penari lelaki sementara penari wanita pula memakai baju kurung warna emas, bersanggul yang ditutupi dengan tudung hitam dan disaluti dengan bunga.

Pada pandangan saya, tarian ini berjaya dari pelbagai aspek, iaitu:

- i) Melalui koreografi yang mudah, kemas dan tersusun tanpa banyak pola lantai, penari telah membuat satu persembahan yang baik dan teratur.
- ii) Koreografer telah menyampaikan mesej Tarian Ceracap Inai, iaitu menghormati adat dan adab serta budaya Melayu dan nilai kepercayaan orang Melayu dan alam semesta.
- iii) Melalui koreografi yang tersusun, lebih mudah untuk orang ramai belajar Tarian Ceracap Inai dan perkara ini dapat memastikan tarian tersebut sentiasa lestari dan dapat dikembangkan kepada generasi kini dan akan datang.

Tarian Ceracap Inai perlu dipelihara dan dilestarikan supaya tidak pupus atau hilang begitu sahaja. Tarian tersebut merupakan warisan nenek moyang kita dan telah diwarisi dan ditarikan dengan baik oleh penari Institut Perguruan Kampus Temenggong Ibrahim.

